

Pengajaran bahasa melayu kepada murid orang asli: Menelusuri isu, cabaran dan masa depan melalui lensa inklusiviti dan pemerdayaan komuniti

Teaching Malay language to indigenous students: navigating issues, challenges, and the future through the lens of inclusivity and community empowerment

Wak Chu Wok¹, Mohd Ridhuan Mohd Jamil^{2*}, Nadzimah Idris³, Nurulrabihah Mat Noh⁴, Mohd Syaubari Othman⁵ & Mohd Muslim Md Zalli⁶

^{1, 2, 3, 5 & 6} Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

⁴ Insitut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, 59100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding email: mridhuan@fpm.upsi.edu.my

Received: 15 January 2025; **Accepted:** 15 May 2025; **Published:** 28 May 2025

To cite this article (APA): Wak, C. W., Mohd Jamil, M. R., Idris, N., Mat Noh, N., Othman, M. S., & Md Zalli, M. M. (2025). Pengajaran bahasa melayu kepada murid orang asli: Menelusuri isu, cabaran dan masa depan melalui lensa inklusiviti dan pemerdayaan komuniti. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 18(1), 83-94. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.9.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.9.2025>

Abstrak

Pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli di sekolah-sekolah arus perdana berdepan dengan cabaran yang melibatkan aspek linguistik, budaya, dan pedagogi. Artikel ini menelusuri isu dan cabaran utama dalam pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli, dengan memberi tumpuan kepada dimensi inklusiviti dan pemerdayaan komuniti. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara analisis dokumen melalui tinjauan literatur yang relevan, bagi mengenal pasti kesenjangan dalam pelaksanaan pengajaran dan implikasinya terhadap pencapaian murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jurang linguistik dan perolehan bahasa, ketidakpekaan budaya dalam kurikulum dan pedagogi, keterbatasan profesionalisme guru, kekangan infrastruktur dan sumber pembelajaran, pengasingan komuniti daripada proses pendidikan, dan ketidaktentuan dasar inklusif untuk komuniti minoriti, adalah antara penghalang utama. Artikel ini juga menekankan kepentingan pemerdayaan komuniti melalui penglibatan aktif dalam pendidikan dan pengadaptasian kurikulum yang lebih sensitif terhadap budaya mereka. Implikasi kajian ini memberi cadangan kepada penggubal dasar dan pendidik untuk membangunkan ekosistem pengajaran yang lebih inklusif, responsif, dan berasaskan nilai kemanusiaan, dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli.

Kata kunci: pendidikan Orang Asli, pengajaran bahasa Melayu, inklusiviti, pemerdayaan komuniti, keadilan linguistik

Abstract

The teaching of the Malay language to Orang Asli students in mainstream schools faces challenges involving linguistic, cultural, and pedagogical aspects. This article explores the main issues and challenges in teaching Malay to Orang Asli students, focusing on the dimensions of inclusivity and community empowerment. This study adopts a qualitative approach through document analysis via relevant literature review to identify gaps in the implementation of teaching and its implications for student achievement. The findings of the study indicate that linguistic gaps and language acquisition, cultural insensitivity in the curriculum and pedagogy, limitations in teacher professionalism, constraints in infrastructure and learning resources, community isolation from the educational process, and the uncertainty of inclusive policies for minority communities are among the main barriers. The article also emphasizes the importance of community empowerment through active involvement in

Pengajaran bahasa melayu kepada murid orang asli: Menelusuri isu, cabaran dan masa depan melalui lensa inklusiviti dan pemeraksanaan komuniti

education and the adaptation of curricula that are more culturally sensitive. The implications of this study offer recommendations to policymakers and educators to develop a more inclusive, responsive, and human-centered teaching ecosystem, aimed at improving the effectiveness of Malay language teaching for Orang Asli students.

Keywords: *Orang Asli education, Malay language teaching, inclusivity, community empowerment, linguistic justice.*

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan medium pengantar utama dalam sistem pendidikan nasional dan berperanan sebagai wahana pembentukan identiti nasional serta pemangkin perpaduan negara (Othman et al., 2021). Namun demikian, dalam konteks pendidikan komuniti Orang Asli, pengajaran bahasa Melayu sering kali tidak mengambil kira latar linguistik dan sosio-budaya murid, sekali gus menimbulkan ketidaksepadanan antara kandungan pengajaran dan realiti komuniti tersebut. Rosly dan Mokhtar (2021) menegaskan bahawa murid Orang Asli yang berlatarbelakangkan bahasa ibunda yang berbeza menghadapi kesukaran untuk mengakses kandungan pembelajaran yang disampaikan dalam bahasa Melayu standard, yang kemudiannya memberi kesan langsung terhadap pemahaman konsep dan pencapaian akademik mereka (Khosim, 2022).

Kajian terdahulu turut membuktikan wujudnya jurang yang signifikan dalam pelaksanaan dasar pendidikan terhadap komuniti Orang Asli, terutamanya berkaitan kesesuaian kurikulum, kebolehcapaian pedagogi, dan keterlibatan komuniti dalam perancangan serta pelaksanaan program pendidikan (Ali & Halim, 2024; Harun, 2020; Hassan et al., 2020; Yusof, 2021). Ketiadaan kepekaan budaya dalam kandungan pengajaran dan kekurangan latihan guru yang bersifat kontekstual telah dikenal pasti sebagai punca utama ketidakselarasan pedagogi dengan latar kehidupan murid Orang Asli (Shaïd et al., 2022). Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan motivasi dan daya faham murid, malah turut memperluas jurang pencapaian antara murid Orang Asli dan arus perdana dalam mata pelajaran teras seperti Bahasa Melayu.

Menyedari cabaran ini, pendekatan pendidikan yang inklusif, responsif budaya, dan berpaksikan pemeraksanaan komuniti wajar diarusperdanakan. Penglibatan aktif komuniti dalam pendidikan, penyesuaian kurikulum yang kontekstual serta latihan guru yang mengambil kira keunikan budaya setempat merupakan antara strategi penting ke arah pembangunan ekosistem pendidikan yang adil dan efektif. Justeru, artikel ini meneliti cabaran struktural dan pedagogikal dalam pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli serta menawarkan kerangka alternatif ke arah masa depan pendidikan yang lebih sensitif budaya dan berperikemanusiaan.

KAJIAN LITERATUR

Pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli di Malaysia telah menjadi isu penting dalam wacana pendidikan minoriti, terutamanya berkaitan dengan hak bahasa, keadilan pendidikan, dan inklusiviti. Dalam konteks Falsafah Pendidikan Kebangsaan, yang menjunjung prinsip kesaksamaan pendidikan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014), pengajaran bahasa Melayu kepada komuniti Orang Asli memerlukan perhatian lebih mendalam, khususnya dalam menilai keberkesanan pendekatan pedagogi yang sedia ada. Kajian ini bertujuan untuk menyoroti isu-isu utama yang dihadapi oleh guru dan murid dalam konteks ini, dengan memfokuskan kepada perolehan bahasa, sensitiviti budaya, kekangan sumber, serta penglibatan komuniti dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Isu Perolehan Bahasa dan Jurang Linguistik

Murid Orang Asli menghadapi cabaran besar dalam perolehan bahasa Melayu, memandangkan mereka menguasai bahasa ibunda seperti Semai, Temiar, atau Jakun sebelum mempelajari bahasa Melayu. Seperti yang diperincikan dalam kajian Cummins (2000), perolehan bahasa kedua (L2) bergantung kepada penguasaan bahasa pertama (L1). Namun, kajian oleh Norizan Mamat dan Zakaria Mat Nawi (2023) menunjukkan bahawa kekurangan sokongan pedagogi yang bersesuaian menyebabkan banyak

murid Orang Asli menghadapi kesulitan dalam memahami dan menggunakan bahasa Melayu secara efektif. Keadaan ini memperlihatkan jurang linguistik yang mendalam antara bahasa ibunda mereka dan bahasa Melayu, menyebabkan kegagalan dalam perkembangan kognitif dan akademik murid.

Bagi menangani isu ini, pendekatan dwibahasa sementara, atau *translanguaging*, yang membolehkan penggunaan bahasa ibunda bersama bahasa Melayu, dapat dijadikan strategi pengajaran yang lebih efektif (Nazir, 2023). Strategi ini boleh mempercepatkan perolehan bahasa Melayu tanpa mengabaikan kepentingan bahasa ibunda dalam pembelajaran.

Kandungan Kurikulum dan Sensitiviti Budaya

Satu isu penting yang sering dibincangkan adalah kekurangan sensitiviti budaya dalam kandungan kurikulum pengajaran. Kebanyakan buku teks dan contoh situasi dalam kurikulum tidak mengambil kira realiti budaya dan kehidupan komuniti Orang Asli. Kajian lepas oleh Ahmad (2014) menunjukkan bahawa kurikulum yang tidak relevan dengan pengalaman murid dapat mengakibatkan rasa terasing dan kurangnya minat terhadap pembelajaran. Dalam konteks ini, prinsip pedagogi responsif budaya (Gay, 2013) dan *funds of knowledge* (Moll et al., 2006) memberi penekanan kepada pentingnya mengintegrasikan latar belakang budaya pelajar dalam reka bentuk pengajaran. Ini bukan sahaja memupuk rasa kepunyaan terhadap kurikulum tetapi juga meningkatkan pemahaman dan penerimaan murid terhadap bahan ajar.

Pendekatan berasaskan budaya yang menghargai nilai-nilai setempat dan pengenalan kepada cerita-cerita rakyat atau adat tradisional Orang Asli dalam pengajaran dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Kekangan Infrastruktur dan Sumber Manusia

Kekurangan infrastruktur dan sumber yang mencukupi di sekolah-sekolah Orang Asli menjadi cabaran utama dalam usaha meningkatkan pengajaran Bahasa Melayu. Sekolah-sekolah di kawasan pedalaman sering kekurangan bahan bantu mengajar, kemudahan teknologi, dan akses kepada sumber pendidikan yang berkualiti (Hoon & Ibrahim, 2024). Kajian oleh Hanafi et al. (2014) mendapati bahawa guru-guru yang ditempatkan di kawasan ini sering kekurangan latihan dalam bidang pendidikan khas dan tidak dilengkapi dengan kesedaran antara budaya yang diperlukan untuk mengajar murid Orang Asli secara efektif.

Penyelesaian kepada isu ini melibatkan peningkatan sumber bahan ajar yang sesuai dengan konteks komuniti Orang Asli, serta menyediakan latihan profesional yang berterusan kepada guru. Latihan yang menekankan sensitiviti budaya dan penguasaan teknologi pendidikan boleh membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran Bahasa Melayu di kalangan murid Orang Asli (Don et al., 2014).

Penglibatan Komuniti dan Aspirasi Ibu Bapa

Aspirasi komuniti Orang Asli terhadap pendidikan anak-anak mereka semakin jelas. Meskipun terdapat persepsi bahawa komuniti ini pasif terhadap pendidikan, kajian oleh Ujai dan Mohamad (2017) menunjukkan bahawa mereka memiliki keinginan yang kuat untuk melihat anak-anak mereka berjaya dalam pendidikan, terutamanya dalam penguasaan bahasa Melayu sebagai alat mobiliti sosial. Namun, penglibatan komuniti dalam pembangunan pendidikan seringkali terhad, disebabkan oleh jurang budaya dan komunikasi dengan sekolah.

Penglibatan aktif komuniti dalam merancang dan melaksanakan kurikulum yang relevan dengan nilai dan budaya setempat dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran. Kajian Ruslan Abdullah (2018) menunjukkan bahawa apabila tokoh masyarakat Orang Asli dilibatkan dalam program literasi, pencapaian murid dalam bahasa Melayu dapat dipertingkatkan secara signifikan.

Implikasi Dasar dan Keperluan Reka Bentuk Semula Pedagogi

Dari perspektif dasar, meskipun wujud pelbagai inisiatif seperti Program Pembangunan Modal Insan Orang Asli dan penekanan terhadap pendidikan inklusif dalam Pelan pembangunan Pendidikan 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), pelaksanaan di peringkat akar umbi masih jauh dari memadai. Laporan oleh Kurniawati Kamarudin dan Sakini Mohd Said (2022) menunjukkan bahawa kurangnya pemantauan berasaskan bukti dan latihan profesional berterusan menyebabkan pelaksanaan dasar di sekolah-sekolah Orang Asli tidak efektif. Oleh itu, dasar pendidikan yang lebih inklusif, fleksibel, dan berasaskan keadilan sosial serta linguistik perlu diperkenalkan untuk menyokong pengajaran yang lebih berkesan.

Secara keseluruhannya, isu pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli memerlukan pendekatan yang lebih holistik dan inklusif, dengan mengintegrasikan aspek linguistik, budaya, pedagogi, dan dasar pendidikan. Pengajaran yang lebih sensitif terhadap budaya komuniti, sokongan infrastruktur yang mencukupi, dan penglibatan aktif komuniti dalam proses pendidikan adalah kunci untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Melayu. Artikel ini menggariskan bahawa pembaharuan dalam reka bentuk kurikulum dan pendekatan pedagogi yang bersifat kolaboratif dan transformatif adalah sangat penting untuk mencapai matlamat pendidikan yang setara dan inklusif bagi murid Orang Asli.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi tinjauan literatur naratif bagi meneliti dan menganalisis pelbagai kajian terdahulu berkaitan pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli. Pemilihan pendekatan ini tidak hanya berasaskan keupayaannya untuk menghasilkan pemahaman yang mendalam dan kontekstual (Loweth, 2024), tetapi juga kerana sifatnya yang reflektif dan analitikal dalam mengungkap kerumitan isu-isu pendidikan yang dialami oleh komuniti terpinggir (Afshari et al., 2024). Sebagai suatu kaedah yang fleksibel dan adaptif, ia membolehkan penyelidik meneroka pelbagai perspektif epistemologi dan metodologi dalam kajian-kajian lepas melalui analisis tematik dan naratif, sekali gus mengenal pasti pola, wacana dominan serta jurang pengetahuan yang signifikan (Bruce et al., 2016). Tambahan pula, seperti diujahkan oleh Wong et al. (2013), pendekatan ini amat sesuai untuk memahami dimensi budaya, bahasa dan ketidaksetaraan yang sering terpinggir dalam kerangka penyelidikan kuantitatif yang bersifat generalis. Bombak dan Hanson (2016) serta (Reynolds et al. (2011) menekankan bahawa keupayaan ulasan naratif untuk mensintesis dapatan daripada pelbagai kajian kualitatif bukan sahaja memperkukuh asas teori, malah memperluas horizon praktikal pendidikan khasnya dalam konteks komuniti Orang Asli yang memerlukan pendekatan bersifat inklusif dan kontekstual.

Sumber Data

Data utama dalam kajian ini diperoleh daripada literatur yang diterbitkan dalam bidang pengajaran Bahasa Melayu kepada murid Orang Asli. Sumber-sumber ini merangkumi artikel jurnal, laporan dasar pendidikan kerajaan, tesis, buku ilmiah, serta prosiding persidangan yang relevan. Pemilihan dokumen dilaksanakan secara bertujuan, dengan mengambil kira kriteria inklusi tertentu untuk memastikan setiap dokumen yang dipilih mempunyai kaitan langsung dengan fokus kajian. Dalam konteks ini, penyelidik memberi tumpuan kepada penerbitan dalam tempoh 10 tahun terakhir (2014-2024), yang menyentuh pelbagai aspek pendidikan Orang Asli, terutamanya dalam pengajaran Bahasa Melayu. Pangkalan data yang digunakan untuk mengakses dokumen ini termasuk Scopus, Google Scholar, MyJurnal, dan repositori universiti tempatan. Sebanyak 35 dokumen telah dikenal pasti, dan setiap satu daripada dokumen ini telah dianalisis secara mendalam untuk menggali tema-tema utama dan isu yang berbangkit dalam konteks pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli.

Kriteria Pemilihan Dokumen

Dokumen yang dipilih memenuhi beberapa kriteria utama:

1. Artikel jurnal yang diterbitkan dalam tempoh 10 tahun terakhir (2014–2024), yang berkaitan dengan pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli atau pendidikan minoriti.
2. Laporan dasar pendidikan rasmi kerajaan yang membincangkan isu pendidikan untuk komuniti Orang Asli.
3. Penerbitan akademik seperti tesis, buku ilmiah, dan prosiding persidangan yang memberi fokus kepada pendidikan bahasa Melayu dalam konteks komuniti peribumi.

Prosedur Analisis Data

Proses analisis data daripada dokumen yang dipilih akan dijalankan secara naratif dan tematik (Sharp et al., 2019), dengan mengintegrasikan dua pendekatan utama: *narrative thematization* dan *contextual understanding*. Pendekatan ini memastikan analisis tema dilakukan dalam konteks naratif yang lebih luas (de Farias et al., 2021; Spector-Mersel, 2011), dengan mempertimbangkan faktor sosial, budaya, dan ekonomi yang mempengaruhi pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli. Proses analisis ini dibahagikan kepada empat langkah utama seperti yang diringkaskan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Ringkasan proses analisis data kajian

Berdasarkan rajah di atas, prosedur analisis data dihuraikan seperti berikut:

1. Pembacaan Awal dan Pemahaman Konteks (Nasheeda et al., 2019): Pembacaan menyeluruh dilakukan untuk memahami tema dan isu utama dalam pengajaran Bahasa Melayu serta memastikan kesesuaian dokumen dalam mencapai objektif kajian.
2. Pengelompokan Tema (Sandberg, 2022): Dokumen dianalisis lebih mendalam, mengidentifikasi elemen-elemen utama seperti pendekatan pedagogi, cabaran pendidik, dan langkah penyelesaian yang dicadangkan.
3. Sintesis dan Penafsiran Tema (Rasmussen et al., 2012): Tema yang dikelompokkan akan disintesis dan diperkaya dengan penafsiran kontekstual, berkait dengan faktor kebudayaan, sosial, dan ekonomi yang mempengaruhi pengajaran Bahasa Melayu kepada murid Orang Asli.
4. Penafsiran Kontekstual (Boothe, 2024): Penafsiran akhir akan memastikan tema yang dikenal pasti mencerminkan realiti pendidikan dalam kalangan murid Orang Asli, dengan mempertimbangkan perspektif budaya dan sosial yang relevan.

Kriteria Keabsahan dan Ketepatan

Keabsahan dan ketepatan kajian ini dijamin melalui beberapa langkah yang teliti. Pertama, pemeriksaan silang tema-tema yang dikumpulkan dilakukan untuk memastikan konsistensi dan ketepatan interpretasi data (Meraz et al., 2019), dengan merujuk kepada pelbagai sumber dokumentasi yang relevan dalam konteks pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli. Kedua, perbandingan dilakukan dengan kerangka teori sosiobudaya dan pedagogi responsif budaya untuk memastikan tema-tema yang dibangunkan mencerminkan realiti pendidikan (Finlay, 2021) komuniti Orang Asli secara adil, serta relevan dengan cabaran yang dihadapi oleh pendidik dan murid. Akhir sekali, perbincangan mendalam terhadap literatur dari pelbagai sudut pandangan dilakukan untuk memastikan analisis yang menyeluruh dan seimbang (Sulakatko, 2024), yang merangkumi dimensi kebudayaan, sosio-ekonomi, serta elemen pedagogi yang kritikal dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada murid-murid dari komuniti ini.

Etika Penyelidikan

Walaupun kajian ini tidak melibatkan responden secara langsung, etika penyelidikan tetap menjadi tumpuan utama. Khususnya, kajian ini memberi perhatian yang mendalam terhadap cara representasi komuniti Orang Asli dijalankan. Penyelidik memastikan bahawa penafsiran terhadap dokumen yang dianalisis dilakukan dengan penuh empati budaya, mengelakkan stereotaip, dan berpegang teguh kepada prinsip keadilan sosial dalam penyelidikan pendidikan minoriti (Berning, 2013; Sztukowski-Crowley & Funk, 2020). Hal ini penting agar hasil kajian ini tidak hanya memberi pengetahuan akademik tetapi juga menyumbang kepada usaha memajukan pendidikan yang lebih inklusif bagi komuniti Orang Asli.

Keterbatasan Kajian

Kajian ini terhad oleh kekurangan dokumen yang spesifik mengenai pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli serta maklumat yang tidak lengkap dalam beberapa sumber, terutamanya dari segi penerapan teori dalam konteks pendidikan sebenar. Walaupun begitu, dengan pendekatan naratif dan tematik, kajian ini tetap dapat memberikan gambaran mendalam serta cadangan untuk meningkatkan amalan pengajaran dalam konteks komuniti ini.

DAPATAN KAJIAN

Pengenalpastian isu-isu utama yang menjejaskan pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli telah dilakukan melalui penilaian kritikal terhadap pelbagai dokumen dan kajian terdahulu sebagai asas kepada analisis naratif ini. Dapatan ini diolah secara tematik bagi mengenal pasti corak yang berulang serta jurang intervensi yang memerlukan perhatian dalam pelaksanaan dasar dan amalan pedagogi semasa. Jadual 1 berikut memperincikan isu-isu yang dikenal pasti, cadangan penambahbaikan yang disarankan dalam literatur, serta sumber rujukan yang menyokong setiap dapatan tersebut.

Jadual 1: Analisis Isu dan Cadangan dalam Pengajaran Bahasa Melayu kepada Murid Orang Asli

Tema Utama	Isu dan Cabaran Kritikal	Cadangan Penambahbaikan	Sumber Rujukan Terpilih
Jurang Linguistik dan Perolehan Bahasa	Murid Orang Asli mengalami kesulitan memahami bahasa Melayu standard kerana penggunaan bahasa ibunda sebagai lingua franca; kurang pendedahan awal kepada bahasa baku.	Pendekatan translanguaging, pengajaran dwibahasa secara kontekstual, serta penggunaan bahan bantu visual dan manipulatif.	(Dixon & Angelo, 2014); (Hudson & Angelo, 2020); (Piller et al., 2024); (Delprato, 2021); (Shaid et al., 2022); (Yusuf & Juhari, 2020); (Rosly & Mokhtar, 2021);
Ketidakpekaan Budaya dalam Kurikulum dan Pedagogi	Kurikulum terlalu berpusatkan norma arus perdana; tidak mengambil kira nilai budaya, naratif tempatan dan gaya pembelajaran komuniti Orang Asli.	Kurikulum berasaskan komuniti, pedagogi yang sensitif budaya serta penggunaan naratif tempatan dalam pengajaran.	(Ali & Halim, 2024); (Shanmugam et al., 2022); (Ubadah, 2022); (Rahman, 2018); (Cherubini, 2019); (Pitama et al., 2018); (Burgess & Evans, 2019); (Harrison & Clarke, 2022); (Huria et al., 2017)
Keterbatasan Profesionalisme Guru	Guru kurang latihan dalam pedagogi interkultural dan tiada pengalaman mengajar di komuniti Orang Asli.	Latihan profesional berterusan dalam sensitiviti budaya dan pedagogi kontekstual; insentif penempatan guru di kawasan pedalaman.	(Saod et al., 2024); (Morrison, 2024); (Hudson & Angelo, 2020); (Ali & Halim, 2024); (Rosly & Mokhtar, 2021)

bersambung

Tema Utama	Isu dan Cabaran Kritikal	Cadangan Penambahbaikan	Sumber Rujukan Terpilih
Kekangan Infrastruktur dan Sumber Pembelajaran	Sekolah-sekolah Orang Asli masih bergelut dengan kekurangan kemudahan asas, bahan bantu mengajar, dan capaian teknologi.	Peningkatan peruntukan infrastruktur pendidikan pedalaman, akses kepada teknologi pembelajaran digital dan bahan bantu ajar visual.	(Wilson et al., 2023); (Gumbo, 2023); (Lydster & Murray, 2019); (Cameron et al., 2024); (Firdausy et al., 2024)
Pengasingan Komuniti daripada Proses Pendidikan	Kurang penglibatan ibu bapa dan tokoh masyarakat dalam pembangunan kurikulum dan strategi pengajaran.	Model sekolah-komuniti, kolaborasi aktif dengan ibu bapa dan ketua adat dalam perancangan pedagogi.	(McIntosh et al., 2014); (Burridge et al., 2012); (Sakinah & AR, 2024); (Marzuki et al., 2014); (Sani, 2014)
Ketidaktentuan Dasar Inklusif untuk Komuniti Minoriti	Dasar pendidikan nasional masih kurang responsif terhadap keperluan komuniti minoriti seperti Orang Asli.	Dasar pendidikan minoriti yang bersifat fleksibel, kontekstual dan menyokong keadilan linguistik dan sosial.	(Ruslan Abdullah, 2018); (Awang & Tayeb, 2022); (Ismail et al., 2020); (Economic Planning Unit, 2024); (Zareef Muzamil, 2019); (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), 2016); (Kementerian Ekonomi, 2023)

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa jurang bahasa merupakan isu utama yang dihadapi oleh murid Orang Asli dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kebanyakan murid Orang Asli menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama mereka dan tidak fasih dalam bahasa Melayu standard. Ini menyebabkan kesukaran dalam memahami isi pelajaran serta kelewatan dalam literasi asas. Temuan ini selaras dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa penguasaan bahasa kedua dalam kalangan pelajar minoriti sering memberi kesan langsung terhadap pencapaian akademik mereka (Cummins, 2000). Oleh itu, penggunaan pendekatan dwibahasa atau translanguaging menjadi cadangan utama dalam mengatasi cabaran ini. Pendekatan ini, yang menggalakkan penggunaan kedua-dua bahasa secara selari dalam pengajaran, dapat mempercepatkan proses pembelajaran bahasa dan mengurangkan jurang pemahaman antara murid dan pengajaran. Dengan menyokong penggunaan bahasa ibunda dalam konteks pembelajaran, pendekatan ini menggalakkan inklusiviti dan mengakui kepelbagaian linguistik yang wujud dalam komuniti Orang Asli.

Isu ketidakpekaan budaya juga muncul sebagai cabaran utama dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada murid Orang Asli. Kebanyakan kandungan pengajaran tidak mengambil kira latar budaya, nilai, dan realiti komuniti ini. Akibatnya, murid Orang Asli sering berasa terasing dan kurang berminat dalam pembelajaran. Hal ini menegaskan pentingnya penerapan pedagogi responsif budaya dalam pengajaran, yang berfokus kepada pengiktirafan dan penghayatan budaya serta pengalaman murid (Gay, 2013). Dalam hal ini, reka bentuk kurikulum dan bahan ajar yang lebih kontekstual dan berasaskan budaya tempatan menjadi cadangan yang wajar. Penyusunan kurikulum yang mengintegrasikan elemen-elemen budaya Orang Asli, seperti cerita rakyat atau tradisi komuniti, dapat meningkatkan motivasi murid dan mencipta hubungan yang lebih mendalam antara murid dengan pembelajaran mereka.

Kekurangan guru terlatih merupakan cabaran ketiga yang dihadapi dalam pengajaran kepada murid Orang Asli. Ramai guru tidak mempunyai latihan khusus dalam mengajar murid dengan latar sosio-budaya yang unik ini. Kajian oleh Ladson-Billings dan Tate (1995) menunjukkan bahawa keperluan untuk melatih guru dalam sensitiviti budaya dan pedagogi inklusif adalah kritikal untuk memastikan pencapaian akademik yang setara bagi semua pelajar. Oleh itu, penyediaan latihan profesional berterusan yang menekankan kepentingan pendidikan inklusif, serta pemahaman terhadap latar belakang budaya dan sosial murid Orang Asli, perlu diberi perhatian. Latihan tersebut juga harus

memberi penekanan kepada penggunaan teknik pengajaran yang berbeza untuk menyokong pelajar yang mengalami kesulitan dalam penguasaan bahasa.

Seterusnya, kekangan sumber dan infrastruktur turut memberi kesan besar terhadap pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah Orang Asli. Banyak sekolah di kawasan luar bandar kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai dan akses kepada teknologi pendidikan. Kajian oleh Sahlberg (2011) menggariskan bahawa akses kepada teknologi pendidikan adalah elemen penting dalam pengajaran abad ke-21. Dalam hal ini, peruntukan khas untuk pembangunan infrastruktur pendidikan yang lebih baik dan penyediaan bahan bantu ajar yang relevan serta berasaskan realiti tempatan harus dipertimbangkan. Penggunaan teknologi, seperti aplikasi pembelajaran berasaskan multimedia atau e-pembelajaran yang menyesuaikan diri dengan konteks budaya, boleh meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Akhir sekali, keterasingan komuniti dalam perancangan pendidikan juga dilihat sebagai salah satu cabaran yang menyumbang kepada kegagalan sistem pendidikan dalam memenuhi keperluan murid Orang Asli. Komuniti Orang Asli sering tidak dilibatkan dalam pembangunan kurikulum atau perancangan pendidikan tempatan, yang mengakibatkan kurangnya rasa memiliki terhadap sistem pendidikan tersebut. Menurut Banks (2008), penyertaan aktif komuniti dalam proses pendidikan adalah kunci untuk meningkatkan keberkesanan pendidikan minoriti. Oleh itu, penglibatan tokoh masyarakat dan ibu bapa dalam perancangan serta pelaksanaan pengajaran adalah penting untuk mencipta sistem pendidikan yang lebih inklusif dan sesuai dengan konteks setempat. Pendekatan ini akan meningkatkan rasa kepunyaan terhadap pendidikan dan memastikan bahawa ia memenuhi keperluan serta aspirasi komuniti.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli memerlukan pendekatan yang lebih holistik dan kontekstual. Dengan mengatasi cabaran-cabaran utama seperti jurang bahasa, ketidakpekaan budaya, dan kekurangan latihan guru, serta dengan melibatkan komuniti dalam perancangan pendidikan, sistem pendidikan untuk murid Orang Asli dapat dipertingkatkan. Cadangan-cadangan yang dikemukakan, termasuk penggunaan pendekatan dwibahasa, reka bentuk kurikulum responsif budaya, dan peningkatan latihan guru, akan memberi impak yang besar dalam meningkatkan pencapaian akademik dan integrasi sosial murid-murid ini.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini menyoroti pelbagai isu utama yang dihadapi dalam pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli, dengan menekankan faktor budaya, bahasa, dan infrastruktur yang perlu diambil kira dalam merancang pengajaran yang efektif. Dari segi jurang bahasa, isu ketidakfahaman bahasa Melayu standard menjadi halangan utama dalam pembelajaran, menghambat kemajuan literasi murid. Ini perlu dilihat sebagai cabaran yang bukan sahaja berkait dengan penguasaan bahasa, tetapi juga dengan identiti dan cara murid berinteraksi dengan dunia pendidikan. Ketidakpekaan budaya dalam kandungan pengajaran menambah lagi kekangan ini, di mana kurikulum yang tidak sensitif terhadap konteks budaya menyebabkan murid merasa terasing dan kurang berminat untuk belajar.

Kekurangan guru terlatih dalam menangani keperluan khusus murid Orang Asli juga telah dikenal pasti sebagai satu halangan besar. Tanpa latihan yang cukup, para guru sukar untuk menggunakan pendekatan yang inklusif dan berkesan, dan lebih cenderung untuk mengabaikan aspek penting dalam pembangunan sosial dan emosi murid. Di samping itu, kekangan sumber dan infrastruktur yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Orang Asli memperburukkan lagi keadaan. Tanpa bahan bantu mengajar yang sesuai dan teknologi pendidikan yang mencukupi, kaedah pengajaran yang lebih tradisional dan konvensional terpaksa digunakan, yang tidak memberi peluang kepada murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Keterasingan komuniti dalam perancangan pendidikan turut memberi impak negatif, di mana kurangnya penglibatan komuniti dalam proses pengajaran dan pembelajaran menjejaskan rasa memiliki dan sokongan terhadap sistem pendidikan.

Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat beberapa cadangan strategik yang boleh memberi impak jangka panjang kepada pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli. Pertama, pendekatan dwibahasa perlu diperkenalkan secara lebih meluas, dengan menggunakan bahasa ibunda murid sebagai alat untuk mengajar bahasa Melayu. Konsep *translanguaging* boleh digunakan untuk

memudahkan murid memahami dan menguasai kedua-dua bahasa tersebut tanpa rasa terasing. Bahan bantu mengajar yang lebih visual dan kontekstual harus dibangunkan untuk memastikan kandungan pembelajaran lebih relevan dan mudah difahami. Pendekatan ini juga boleh membantu murid melihat hubungan antara bahasa dan budaya mereka, meningkatkan rasa bangga terhadap identiti mereka sambil memudahkan penguasaan Bahasa Melayu.

Kedua, kurikulum yang peka budaya harus dibangunkan dengan melibatkan ahli masyarakat dan tokoh tempatan dalam proses perancangan. Kurikulum yang menghormati nilai dan tradisi budaya Orang Asli dapat membina rasa hormat dan keterlibatan murid dalam proses pembelajaran. Pembangunan bahan pengajaran juga perlu melibatkan penyelidikan mendalam tentang amalan budaya komuniti ini untuk memastikan pengajaran tidak hanya berfokus kepada pengetahuan akademik semata, tetapi juga kepada perkembangan sosial dan emosi murid.

Seterusnya, latihan dan sokongan guru dalam memahami latar belakang sosio-budaya murid adalah penting. Guru-guru perlu dilatih untuk menjadi fasilitator yang sensitif kepada konteks tempatan dan peka terhadap keperluan khusus murid. Latihan pra-penempatan yang melibatkan pendedahan langsung kepada komuniti Orang Asli, serta program pembangunan profesional yang berterusan, harus menjadi keutamaan. Selain itu, kerjasama antara sekolah dan komuniti harus diperkukuhkan untuk membangunkan sistem sokongan yang lebih baik. Menggalakkan penglibatan ibu bapa dan masyarakat dalam pengajaran dapat memperkaya pengalaman pembelajaran murid dan meningkatkan rasa kepunyaan terhadap pendidikan yang diterima.

Akhirnya, satu dasar pendidikan inklusif yang lebih fleksibel dan berlandaskan prinsip keadilan sosial dan linguistik perlu digubal. Dasar ini bukan sahaja memberi perhatian kepada keperluan murid Orang Asli, tetapi juga menyediakan ruang untuk penerimaan kepelbagaian dalam pendidikan secara keseluruhan. Kerajaan perlu menyediakan peruntukan khas untuk memperbaiki infrastruktur dan memperkenalkan teknologi pendidikan yang sesuai di kawasan Orang Asli. Dengan menyediakan akses kepada bahan digital dan teknologi, peluang untuk pembelajaran yang lebih interaktif dan inovatif dapat diwujudkan, sekaligus mengurangkan jurang pendidikan antara komuniti ini dan masyarakat umum.

Secara keseluruhannya, kajian ini menekankan bahawa pengajaran bahasa Melayu kepada murid Orang Asli memerlukan pendekatan yang lebih inklusif dan berfokus kepada konteks budaya serta keperluan bahasa. Penggunaan strategi dwibahasa, penglibatan komuniti dalam reka bentuk kurikulum, dan latihan guru yang berterusan adalah kunci utama untuk mengatasi cabaran yang dihadapi. Melalui langkah-langkah ini, kita dapat mewujudkan sistem pendidikan yang lebih adil, inklusif, dan memberi peluang yang sama untuk semua murid, tanpa mengira latar belakang mereka.

RUJUKAN

- Afshari, P., Bayazidi, S., & Yazdani, S. (2024). Meta-Synthesis As an Original Method to Synthesize Qualitative Literature in Chronic Diseases: A Narrative Review. *Jundishapur Journal of Chronic Disease Care*, 13(2). <https://doi.org/10.5812/jjcdc-139621>
- Ahmad, J. (2014). *Masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Kensiu: satu kajian kes*. Universiti Utara Malaysia.
- Ali, S. A. S., & Halim, A. (2024). Cabaran dan Keperluan dalam Memperkasakan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Orang Asli. *International Journal of Future Education and Advances (IJFEA)*, 1(1), 239–247.
- Awang, N. C., & Tayeb, A. (2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan konsep kewarganegaraan inklusif: Antara normatif dan realiti suatu kajian komprehensif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001500–e001500.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, K. P. M. (2014). *Dasar Pembangunan Kurikulum Kebangsaan*. Perpustakaan Negara Malaysia. <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/buku-penerangan-kssr-kssm>
- Banks, J. A. (2008). *An introduction to multicultural education*.
- Berning, N. (2013). Critical ethical narratology as an emerging vector in the study of literary narrative. *Germanisch-Romanische Monatsschrift*, 63(1), 103–115. <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-84878439379&partnerID=40&md5=64ea56ca6a75293ddb2c5dcf2bb61f86>
- Bombak, A. E., & Hanson, H. M. (2016). Qualitative Insights from the Osteoporosis Research: A Narrative Review of the Literature. *Journal of Osteoporosis*, 2016. <https://doi.org/10.1155/2016/7915041>
- Boothe, B. (2024). Narration Analysis. In *Cultural Psychology: An Introduction* (pp. 207–218). https://doi.org/10.1007/978-3-658-45155-4_21

- Bruce, A., Beuthin, R., Shields, L., Molzahn, A., & Schick-Makaroff, K. (2016). Narrative research evolving: Evolving through narrative research. *International Journal of Qualitative Methods*, 15(1). <https://doi.org/10.1177/1609406916659292>
- Burgess, C. M., & Evans, J. R. (2019). Culturally responsive relationships focused pedagogies: The key to quality teaching and creating quality learning environments. In *Indigenous Studies: Breakthroughs in Research and Practice* (pp. 127–157). <https://doi.org/10.4018/978-1-7998-0423-9.ch008>
- Burridge, N., Whalan, F., & Vaughan, K. (2012). Indigenous education: A learning journey for teachers, schools and communities. In *Indigenous Education: A Learning Journey for Teachers, Schools and Communities*. <https://doi.org/10.1007/978-94-6091-888-9>
- Cameron, R. E., Bird, M. J., Naveau-Heyde, D. D., & Fuller-Thomson, E. (2024). Creating a “sense of belonging” for Indigenous students: identifying supports to improve access and success in post-secondary education. *AlterNative*, 20(4), 732–740. <https://doi.org/10.1177/11771801241291242>
- Cherubini, L. (2019). Teacher Candidates’ Expectations: Equity Education, Critical Literacy, and Indigenous Students’ Epistemologies. *Journal of Teaching and Learning*, 13(2), 1–22. <https://doi.org/10.22329/jtl.v13i2.6091>
- Cummins, J. (2000). *Immersion education for the millennium: What we have learned from 30 years of research on second language immersion*.
- de Farias, B. G., Dutra-Thomé, L., Koller, S. H., & de Castro, T. G. (2021). Formulation of Themes in Qualitative Research: Logical Procedures and Analytical Paths. *Trends in Psychology*, 29(1), 155–166. <https://doi.org/10.1007/s43076-020-00052-0>
- Delprato, M. (2021). Indigenous learning gaps and home language instruction: New evidence from PISA-D. *International Journal of Educational Research*, 109. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2021.101800>
- Dixon, S., & Angelo, D. (2014). Dodgy data, language invisibility and the implications for social inclusion: A critical analysis of indigenous student language data in queensland schools. *Australian Review of Applied Linguistics*, 37(3), 213–233. <https://doi.org/10.1075/aral.37.3.02dix>
- Don, Y., Sarkowi, A., & Daud, Y. (2014). *Pembentukan dan Peningkatan Kualiti Guru di Malaysia* (UUM Press). UUM Press.
- Economic Planning Unit. (2024). SDG RoadMap For Malaysia Phase II:2021-2025. In *Economic Planning Unit*. <https://doi.org/978-967-5842-42-9>
- Finlay, L. (2021). Thematic analysis: The ‘Good’, the ‘Bad’ and the ‘Ugly.’ *European Journal for Qualitative Research in Psychotherapy*, 11, 103–116. <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-85120501594&partnerID=40&md5=25f6ee915d3c753dcd861ff69af2f191>
- Firdausy, U. F., Ningsih, S., & Asrawijaya, E. (2024). Basic education for indigenous peoples in Indonesia: Limiting children’s cultural alienation and loss of identity. *Issues in Educational Research*, 34(3), 995–1015. <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-85205019533&partnerID=40&md5=c841110fbcc16dfd14497d464beacf09>
- Gay, G. (2013). Culturally responsive teaching principles, practices, and effects. In *Handbook of urban education* (pp. 391–410). Routledge.
- Gumbo, M. T. (2023). Digitisation of higher education and research: Raising inclusivity and equity issues for indigenous students. *South African Computer Journal*, 35(1), 149–163. <https://doi.org/10.18489/sacj.v35i1.1107>
- Hanafi, W. A. W., Ahmad, S., & Ali, N. (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 107–122.
- Harrison, N., & Clarke, I. (2022). Decolonising curriculum practice: developing the indigenous cultural capability of university graduates. *Higher Education*, 83(1), 183–197. <https://doi.org/10.1007/s10734-020-00648-6>
- Harun, N. H. (2020). *Aplikasi Model Pedagogi Kreativiti Berasaskan Intelektualisme Masyarakat Orang Asli Untuk Peningkatan Kecerdasan Kanak-Kanak Prasekolah*. University of Malaya (Malaysia).
- Hassan, A. A. G., Loganathan, N., Mahjom, M., Muhamad, N. A., Mohamed, A., & Alwi, J. (2020). Impak Covid-19 ke atas status sosioekonomi dan kesihatan masyarakat Orang Asli. In *Laporan Teknikal Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Hoon, A. W. C., & Ibrahim, R. (2024). Isu Dan Cadangan Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran: Persepsi Guru. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(3), 800–815.
- Hudson, C., & Angelo, D. (2020). Teacher Views on the Implementation of English Language Proficiency Scales for Young Indigenous Learners of Standard English. *Language Assessment Quarterly*, 17(5), 491–518. <https://doi.org/10.1080/15434303.2020.1826489>
- Huria, T., Palmer, S., Beckert, L., Lacey, C., & Pitama, S. (2017). Indigenous health: Designing a clinical orientation program valued by learners. *BMC Medical Education*, 17(1). <https://doi.org/10.1186/s12909-017-1019-8>

- Ismail, M. A., Ab Malik, N. M. A. N., Shahimi, S., & Shafiai, M. H. M. (2020). Pendefinisian penyisihan sosial menurut dimensi ekonomi. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 54(2), 149–156.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD). (2016). Bab 5 Teras 3 Pembentukan komuniti inklusif dan berdaya huni. In *Rancangan Fizikal Negara Ketiga* (Vol. 11, Issue 5).
- Kementerian Ekonomi. (2023). *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. www.moe.gov.my
- Khosim, F. (2022). Pengujian Teori Generalizabiliti serta Pengaruh Motivasi, Pembelajaran Regulasi Kendiri dan Gaya Pembelajaran terhadap Pencapaian Akademik Murid Orang Asli di Perak. *Universiti Utara Malaysia*.
- Kurniawati Kamarudin & Sakini Mohd Said. (2022). Kurang Pemantauan Program Parahkan Keciciran Pendidikan Orang Asli. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/bfokus/news.php?projek-khas&id=2152502>
- Ladson-Billings, G., & Tate, W. F. (1995). Toward a critical race theory of education. *Teachers College Record*, 97(1), 47–68.
- Loweth, R. P. (2024). The Use of Narrative Methods to Generate Engineering Design Knowledge: A Scoping Literature Review. *Proceedings of the ASME Design Engineering Technical Conference*, 6. <https://doi.org/10.1115/DETC2024-142275>
- Lydster, C., & Murray, J. (2019). Understanding the Challenges, Yet Focusing on the Successes: An Investigation into Indigenous University Students' Academic Success. *Australian Journal of Indigenous Education*, 48(2), 107–118. <https://doi.org/10.1017/jie.2018.15>
- Marzuki, M., Mapjabil, J., & Mohd Zainol, R. (2014). Mengupas kecaciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 189–198.
- McIntosh, K., Moniz, C., Craft, C. B., Golby, R., & Steinwand-Deschambeault, T. (2014). Implementing School-Wide Positive Behavioural Interventions and Supports to Better Meet the Needs of Indigenous Students. *Canadian Journal of School Psychology*, 29(3), 236–257. <https://doi.org/10.1177/0829573514542217>
- Meraz, R. L., Osteen, K., & McGee, J. (2019). Applying Multiple Methods of Systematic Evaluation in Narrative Analysis for Greater Validity and Deeper Meaning. *International Journal of Qualitative Methods*, 18. <https://doi.org/10.1177/1609406919892472>
- Moll, L., Amanti, C., Neff, D., & Gonzalez, N. (2006). Funds of knowledge for teaching: Using a qualitative approach to connect homes and classrooms. In *Funds of knowledge* (pp. 71–87). Routledge.
- Morrison, G. (2024). Literature Review: The Impact of Invisibility on Diasporic Indigenous Students in K-12 Settings. *Journal of Latinos and Education*, 23(4), 1626–1634. <https://doi.org/10.1080/15348431.2023.2291682>
- Nasheeda, A., Abdullah, H. B., Krauss, S. E., & Ahmed, N. B. (2019). Transforming Transcripts Into Stories: A Multimethod Approach to Narrative Analysis. *International Journal of Qualitative Methods*, 18. <https://doi.org/10.1177/1609406919856797>
- Nazir, F. (2023). Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Pertuturan Murid-Murid Asli Suku Kaum Temuan ketika Pembelajaran Bahasa Melayu. *LSP International Journal*, 10(1), 73–90.
- Norizan Mamat, & Zakaria Mat Nawi. (2023). Pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Orang Asli: Peluang dan Cabaran. *MUADDIB Jurnal Penyelidikan*, 17(1), 13–28.
- Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Muda, N. (2021). Relevansi Akta Pendidikan 1996 Memacu Visibiliti dan Memartabat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dalam Sektor Pendidikan Negara. *Learning*, 6(41).
- Piller, I., Torsh, H., Bodis, A., & Bruzon, A. S. (2024). The Monolingual Habitus of The Multilingual School as a Barrier to Educational Equity. In *The Routledge International Handbook of Equity and Inclusion in Education* (pp. 260–273). <https://doi.org/10.4324/9781003282921-19>
- Pitama, S. G., Palmer, S. C., Huria, T., Lacey, C., & Wilkinson, T. (2018). Implementation and impact of indigenous health curricula: a systematic review. *Medical Education*, 52(9), 898–909. <https://doi.org/10.1111/medu.13613>
- Rahman, S. (2018). *Persepsi Murid Orang Asli Terhadap Kurikulum Dan Relevansi Dalam Kehidupan*.
- Rasmussen, P., Muir-Cochrane, E., & Henderson, A. (2012). Document analysis using an aggregative and iterative process. *International Journal of Evidence-Based Healthcare*, 10(2), 142–145. <https://doi.org/10.1111/j.1744-1609.2012.00262.x>
- Reynolds, J., Kizito, J., Ezumah, N., Mangesho, P., Allen, E., & Chandler, C. (2011). Quality assurance of qualitative research: A review of the discourse. *Health Research Policy and Systems*, 9. <https://doi.org/10.1186/1478-4505-9-43>
- Rosly, N. J., & Mokhtar, N. Z. Z. (2021). Mendeapani Cabaran Literasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Orang Asli Jakun Lenga, Johor: Satu Tinjauan Awal. *Asian Journal of Civilizational*

- Studies (AJOCs)*, 3(3), 83–102.
- Ruslan Abdullah. (2018). Penilaian pelaksanaan program Linus dalam kalangan murid Orang Asli di Perak. *Ijazah Doktor Falsafah*.
- Sahlberg, P. (2011). The fourth way of Finland. *Journal of Educational Change*, 12, 173–185.
- Sakinah, A. M., & AR, M. H. (2024). Kajian Pengetahuan Akidah dalam Kalangan Para Pelajar Sekolah Menengah Agama Orang Asli Nurul Hidayah, Kg Kenang Sungai Siput, Perak. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 7(2), 25–33.
- Sandberg, S. (2022). Narrative Analysis in Criminology. *Journal of Criminal Justice Education*, 33(2), 212–229. <https://doi.org/10.1080/10511253.2022.2027479>
- Sani, N. (2014). Merapatkan Jurang Literasi Murid-murid Orang Asli: Apa Cabarannya? *Jurnal Personalita Pelajar*, 17, 19–30.
- Saod, A. M., Rushdi, N. A. A., Anoar, A., Aziz, M. A., & Ismail, A. (2024). Komitmen Guru Dalam Meningkatkan Pencapaian Murid Orang Asli Di Pedalaman: Satu Kajian Kes. *Education*, 6(20), 394–411.
- Shaid, N. A. N., Hamid, S. A., Maros, M., & Sulaiman, N. (2022). Penerokaan terhadap penguasaan bahasa kedua murid Orang Asli Temiar: Suatu etnografi kajian kes. *Akademika*, 92(3), 15–29.
- Shanmugam, S. K. S., Jusoh, Y., Veloo, A., Ali, R. M., & Hashim, R. A. (2022). *Pendidikan Sekolah Rendah Murid Orang Asli: Cabaran dan Pencapaian (UUM Press)*. UUM Press.
- Sharp, N. L., Bye, R. A., & Cusick, A. (2019). Narrative analysis. In *Handbook of Research Methods in Health Social Sciences* (pp. 861–880). https://doi.org/10.1007/978-981-10-5251-4_106
- Spector-Mersel, G. (2011). Mechanisms of selection in claiming narrative identities: A model for interpreting narratives. *Qualitative Inquiry*, 17(2), 172–185. <https://doi.org/10.1177/1077800410393885>
- Sulakatko, S. (2024). Integrating Qualitative Content and Narrative Analysis: A Five-Step Approach. *Proceedings of the European Conference on Research Methods in Business and Management Studies*, 23(1), 217–225. <https://doi.org/10.34190/ecrm.23.1.2205>
- Sztukowski-Crowley, C. A., & Funk, D. R. (2020). Personal Narratives. In *The Wiley Encyclopedia of Personality and Individual Differences: Model and Theories: Measurement and Assessment: Personality Processes and Individual Differences: Clinical, Applied, and Cross-Cultural Research: Volume 1-4* (Vols. 1–4, pp. 79–83). <https://doi.org/10.1002/9781118970843.ch83>
- Ubadah, U. (2022). *Pendidikan Multikultural: Konsep, Pendekatan, dan Penerapannya dalam Pembelajaran*. Pondok Pesantren Anwarul Qur'an.
- Ujai, D. S., & Mohamad, W. M. R. W. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 74–84.
- Wilson, A. M., Buckley, A., Downing, M., Owen, J., & Jackson, M. (2023). The Indigenous Digital Divide: COVID-19 and Its Impacts on Educational Delivery to First Nation University Students. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, 23(17), 190–199. <https://doi.org/10.33423/jhetp.v23i17.6552>
- Wong, G., Greenhalgh, T., Westhorp, G., Buckingham, J., & Pawson, R. (2013). RAMESES publication standards: Meta-narrative reviews. *Journal of Advanced Nursing*, 69(5), 987–1004. <https://doi.org/10.1111/jan.12092>
- Yusof, A. S. M. (2021). Amalan penggunaan media digital guru-guru di sekolah Orang Asli. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 215–227.
- Yusuf, N. Z. M., & Juhari, A. (2020). Tahap bahasa antara dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal IPDA*, 26(1), 187–202.
- Zareef Muzamil. (2019). Komuniti inklusif fokus Dasar Komuniti Negara. *Selangor Kini*. <https://selangorkini.my/2019/01/komuniti-inklusif-fokus-dasar-komuniti-negara/>